

UMS raih kejayaan dalam tiga pameran penyelidikan

DE 16.11.2013 6

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah terus cemerlang dalam bidang penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa apabila meraih beberapa siri kejayaan dalam penyertaan tiga pameran, baru-baru ini.

Pada pameran BioMalaysia 2013 di Johor Bahru, UMS yang menghantar 11 inovasi hasil penyelidikan dengan penglibatan lapan penyelidik, meraih satu emas, enam perak dan empat gangsa

Pingat emas diraih oleh Pensyarah Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa, Ag. Ahmad Mohd Yunus dengan inovasi bertajuk AyamliTM, satu inovasi baru dalam kaedah pembuatan makanan bagi ternakan ayam.

UMS turut cemerlang pada pameran International Trade Fair, Ideas, Inventions, New Products Exhibition (IENA 2013) di Nuremberg Messe, Nuremberg, Jerman.

Dengan penyertaan hanya lima inovasi pada pameran antarabangsa ini, delegasi UMS meraih satu pingat emas melalui inovasi bertajuk Innovative Wireless Portable Logger (WiDaLog) hasil penyelidikan pensyarah Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat, Kenneth Teo Tze Kin. Penyelidik UMS turut meraih

dua Perak dan satu gangsa pada pertandingan tersebut.

Penyertaan UMS pada Ekspo Penyelidikan Dan Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2013 di Kuala Lumpur turut mencatat kejayaan yang memberangsangkan dengan meraih lima Emas, Perak dan Gangsa, masing-masing serta dua Anugerah Khas. Antara penyelidik yang memenangi pingat emas ialah dua penyelidik dari Sekolah Perubatan, iaitu Prof. Madya Dr. Muhammad Iftikhar dengan tajuk penyelidikan Traditional Classifications System (TCS) For Fractures In Orthopaedics With Colour Coding, dan Prof. Madya Dr. Maher Sefein. Dr. Muhammad dengan penyelidikan bertajuk CLIP Methodology.

Dua penyelidik Institut Penyelidikan Bioteknologi, Dr. Clarence M. Ongkudon dan Wilson Yong Thau Lym turut meraih pingat emas pada pameran tersebut dengan penyelidikan bertajuk Monolithic Chromatography Adsorbent For Biomolecules Purification dan Euche-Reactor. Emas kelima disumbangkan oleh Prof. Madya Dr. Chye Fook Yee dari Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan dengan tajuk inovasi iaitu D-JUSTM, An Instant Dehydrated Probiotic Juice.